

30 DEC 1996

Mahathir-Muhammad

MUHAMMAD AKUI WANG MILIKNYA, KATA DR MAHATHIR

SHAH ALAM, 30 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib mengakui wang yang nilainya bersamaan RM2.4 juta yang dibawanya ketika ditahan oleh pihak berkuasa Australia adalah miliknya.

Perdana Menteri berkata bagaimanapun orang ramai termasuk akhbar tidak harus menilai sama ada Menteri Besar itu bersalah atau tidak sebelum mendengar penjelasan Muhammad mengapa beliau membawa wang tunai sebanyak itu.

Katanya terdapat dua perkara dalam isu ini iaitu Muhammad melanggar undang-undang Australia dan keduanya beliau membawa wang yang banyak.

"Yang menarik perhatian umum ialah kemungkinan adanya penyelewengan. Jadi (kita perlu) dengar dulu apa ianya sebelum kita membuat sebarang penilaian.

"Saya ingin merayu kepada media. Pihak media kadangkalanya gemar menghukum seseorang itu sebelum ditentukan dia bersalah atau tidak, dan ini tidak baik," kata Perdana Menteri merujuk kepada kes bekas Ketua Menteri Melaka Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas merasmikan pengeluaran kereta Proton ke sejuta di sini, Dr Mahathir berkata Muhammad menemuinya Sabtu lepas untuk menjelaskan perkara itu.

Beliau telah dihadapkan ke mahkamah Brisbane pada Isnin lepas kerana tidak mengisytiharkan wang itu kepada pihak berkuasa Australia. Beliau dibebaskan dengan jaminan sendiri dan dikehendaki menghadiri mahkamah itu pada 21 Mac tahun depan. Muhammad juga telah menghadap Sultan Selangor berhubung isu itu.

Dr Mahathir enggan menyatakan apa penjelasan Muhammad kepada beliau mengenai wang tersebut. "Saya tak perlu jelaskan apa yang diterangkan, dia dah bersetuju untuk membuat penjelasan sendiri."

"Yang saya boleh kata ialah kita harus memberi layanan pada apa yang diperkatakan olehnya secara adil. Kita tidak boleh, atas sangkaan buruk, kita membuat keputusan.

"Kita kena tahu benar atau tidak benar apa yang dijelaskan olehnya," katanya.

Menjawab soalan sama ada Muhammad harus dilucutkan daripada semua tanggung jawabnya sehingga perkara ini diselesaikan, beliau berkata: "Kes ini tidak serupa dengan kes Rahim Tamby Chik. Jadi, Muhammad harus diberi peluang memberi penjelasan.

"Saya telah memberi arahan serta nasihat tentang apa yang perlu beliau lakukan," katanya.

Ditanya adakah Muhamad menyatakan hasrat untuk meletak jawatan, beliau berkata Muhammad tidak menyebut apa-apa hasrat.

Ketika ditanya sama ada beliau berpuas hati berhubung penjelasan Muhammad, Perdana Menteri berkata: "Saya serahkan kepada saudara (media) untuk menilai. Saya tidak mahu saudara berat sebelah."

Beliau berkata Muhammad kini diadili oleh orang ramai berdasarkan andaian ekoran daripada publisiti berhubung kes itu.

Ditanya mengenai penjelasan Muhammad, beliau berkata: "Saya tidak kata saya puas hati. Saya cuma buat komen berkenaan dengan kadang-kadang trend atau tendency (kecenderungan) untuk buat early judgement (hukuman awal) tanpa mengambil kira fakta.

"Itu tidak adil, kita tak jadi sasaran tak apa. Kalau kita jadi

sasaran, kita berasa orang tidak adil."

Ditanya sama ada Badan Pencegah Rasuah (BPR) akan membuat siasatan, Dr Mahathir berkata satu aduan telah dibuat kepada BPR dan siasatan tentu akan menyusul tetapi jika didapati tiada kes, semua pihak harus menerimanya.

Dr Mahathir juga menghadap Sultan Selangor hari ini di Istana Bukit Kayangan.

Sementara itu, Sultan Selangor berkata Muhammad telah menjelaskan kepada baginda bahawa wang itu ialah untuk tujuan membeli rumah untuk anak beliau yang akan belajar di Australia.

Baginda berkata dalam pertemuan semalam, Muhammad juga telah menunjukkan katalog-katalog sebagai bukti tentang pembelian rumah itu.

Bagaimanapun, Muhammad tidak menyatakan dari mana wang itu diperolehinya, kata baginda kepada pemberita di Istana Kayangan di sini selepas Dr Mahathir menghadap baginda.

Mengenai kedudukan Muhammad sebagai Menteri Besar, baginda berkata ia hanya boleh diputuskan oleh rakyat dan Perdana Menteri.

"Saya hanya menurut kata rakyat. Jika rakyat tak suka, apa saya boleh buat," kata baginda.

Bagaimanapun Sultan Selangor enggan menjelaskan lebih lanjut pertemuan selama satu jam antara baginda dan Perdana Menteri.

Mengenai perasaannya berhubung kes itu, baginda berkata : "Ia adalah ketentuan Allah dan saya menyerahkan kepada Perdana Menteri untuk membuat apa-apa keputusan tentang perkara ini." -- BERNAMA

AFY RAZ MAI